

Air mata mengalir ketika Union Jack diturun

Wan Intan serbu Stadium Merdeka jam 6 pagi untuk saksi detik bersejarah kebebasan tanah air

BH- 5/5/2007

BERITA HARIAN

50

50 Tahun Mengisi Kemerdekaan

Oleh Hasliza Hassan

“KETIKA menunggu Tunku (Tunku Abdul Rahman) berucap, hujan begitu lebat. Saya basah kuyup. Baju kebaya saya melekat pada badan. Namun, tiada seorang pun berganjak dari tempat duduk.

“Tatkala Tunku memberi ucapan, hujan sudah reda dan suasana sunyi sepi kerana semua yang hadir khusyuk mendengar apa yang ingin diucapkan Tunku. Umpama jika jarum jatuh pun, boleh terdengar bunyinya. Sebaik Tunku melaungkan perkataan ‘Merdeka’, Stadium Merdeka bergema dan laungan itu disahut dengan nada sama, diikuti tepukan gemuruh. Wajah setiap yang hadir tergambar perasaan gembira yang sukar diungkap dengan kata-kata.

“Ada yang menitikkan air mata kerana terlalu gembira akhirnya negara yang dijajah sejak beratus tahun lalu bebas merdeka.” Itu antara detik bersejarah di Stadium Merdeka pada pagi 31 Ogos 1957, sebagai pengalaman paling manis yang tidak akan dilupakan oleh Datin Paduka Wan Intan Wan Ahmad Tajuddin, 76. Ketika itu usianya baru mencecah 26 tahun.

Sebelum peristiwa bersejarah itu, seawal jam 6 pagi lagi selepas menunaikan solat Subuh, beliau bersama adiknya Wan Aishah, 23, (sekarang 73 tahun) bergegas berjalan

kaki menuju Stadium Merdeka selepas menumpang rumah kawan baiknya di tengah kota, dan menaiki bas dari Klang sehari sebelum itu. Tetapi keadaan sudah kecoh apabila orang ramai mula beresak untuk masuk ke dalam stadium.

Sepatutnya kata Wan Intan, mereka yang ada pas saja boleh masuk tetapi pagi itu suasana sudah tidak terkawal. Orang ramai merempuh. Dalam keadaan kelam kabut itulah, beliau berjaya mengheret adiknya yang tidak mempunyai pas, masuk sama ke dalam stadium. Akhirnya mereka berdua dapat duduk betul-betul menghadap pentas walaupun terletak agak jauh.

Selepas majlis berakhir pada tengah hari itu, orang ramai yang hadir di Stadium Merdeka melangkah keluar dengan wajah berseri dan puas kerana Persekutuan Tanah Melayu bebas daripada penjajahan British buat selamanya.

Sehari sebelum itu, pada 30 Ogos, Wan Intan yang bertugas sebagai penyelia Malay Girls Hostel di Simpang 5 West Road (kini Jalan Raya Barat), sudah bersiap di rumahnya di Klang untuk ke Kuala Lumpur kerana upacara menurunkan bendera Union Jack diadakan pada detik 12 malam di Padang Kelab Selangor (kini Dataran Merdeka), sebelum upacara pengisytiharan kemerdekaan diadakan di Stadium Merdeka keesokan harinya.

Perasaan teruja sudah memuncak menyebabkan Wan Intan tidak sabar menyaksikan sendiri detik bersejarah bagi Tanah Melayu dan sanggup berebut untuk menaiki bas dari Klang.

Tidak peduli walaupun terpaksa berasak dengan penumpang lain dengan hajat yang sama, beliau yang ditemani adiknya itu, cekat mengharungi kepayahan menaiki bas sebelum tiba di Padang Kelab Selangor

kira-kira jam 9 malam 30 Ogos 1957.

Selepas perjalanan mengambil masa lebih sejam, mereka akhirnya berjaya menyertai orang ramai dari seluruh negara yang membanjiri Padang Kelab Selangor dan setia menanti detik 12 malam.

“Di Padang Kelab Selangor ini, orang sudah ramai berkumpul. Rumpun memang tidak nampak langsung. Ada yang bergolek, ada yang terbaring. Semua sabar menanti tibanya detik 12 tengah malam.

Ketika bendera Union Jack diturunkan, keadaan malam itu agak gelap dan suasana hening menyelubungi Padang Kelab Selangor. Ada yang menitikkan air mata.

“Namun, sebaik saja bendera Union Jack mencecah bumi, orang ramai bersorak sambil memberi tepukan gemuruh.” katanya menceritakan dua peristiwa bersejarah itu walaupun dalam keadaan menahan sebak dengan air mata sudah tergenang dan suara bergetar ketika ditemui di Klang baru-baru ini.

Wan Intan berkata, apabila bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan selepas bendera Union Jack diturun, ramai yang kelihatan menitis air mata kegembiraan kerana itu tandanya bebas daripada belenggu penjajah.

Selepas beberapa ketika katanya, orang ramai mula berpusing meninggalkan Padang Kelab Selangor berjalan kaki ke destinasi masing-masing dan bagi yang tidak mempunyai tempat hendak dituju, mereka terus duduk di sana menanti subuh menjelang.

Disebabkan waktu perkhidmatan bas sudah tamat, Wan Intan dan adiknya berjalan kaki menuju rumah kawan baiknya, Che Sue di tengah ibu kota Kuala Lumpur untuk tumpang bermalam. Malam itu, beliau tidak dapat tidur lena kerana resah menanti pagi untuk menuju

PROFIL

Wan Intan Ahmad Tajuddin



- **Tarikh lahir:** 31 Mac 1931
- **Tempat lahir:** Ipoh, Perak
- **Suami:** Datuk Kapten Salleh Sulaiman (meninggal dunia 1986)
- **Anak:** Latifah Zainal, 60
- **Jawatan:** Bendahari Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim dan Miskin (Peyakin) Klang (sejak 1983 hingga kini); Penasihat Mahkamah Juvana Klang
- **Pembabitian dalam Umno:** 1953 – Menyertai Umno di Klang (1977 – Dilantik Ketua Wanita Umno cawangan Klang Barat dan jawatankuasa bahagian Klang; Ketua Wanita Umno bahagian Kapar (1986); Dilantik Exco Wanita Umno Selangor (1987) dan dilantik senator (1990-1996)

ke Stadium Merdeka.

Mengenang kembali detik indah dalam hidupnya, Wan Intan berkata, sukar baginya menggambarkan perasaan bercampur baur yang memenuhi ruang hati.

Pembabitian secara langsung dalam sesi ceramah anjuran Umno untuk memberitahu rakyat Selangor bahawa Persekutuan Tanah Melayu akan bebas daripada cengkaman penjajah



JADI KENANGAN: Wan Intan (kanan) bersama adiknya Wan Aishah pada awal kemerdekaan.

hampir 446 tahun membuatkan beliau tidak sabar menantikan detik keramat itu, beberapa hari sebelum itu.

“Saya memang aktif dalam Persatuan Kaum Ibu Klang Barat yang diterajui Ketua Wanita Umno Bahagian Klang, Amna Ilias. Saya sering mengikut beliau membantu jentera Umno berceramah di seluruh negara mengenai kemerdekaan.

“Ketika itu saya sibuk membantu

mengumpul orang kampung untuk menghadiri perjumpaan dan ceramah oleh Tunku Abdul Rahman, Datuk Harun Idris dan Tun Sardon Zubar,” katanya.

Sementara itu, adik bongsu Wan Intan, Wan Abd Hisham, 57, berkata suasana di kampung mereka, Kampung Raja Uda Klang pada hari pengisytiharan merdeka meriah ibarat hendak menyambut hari raya.